

TARIKH	3 / 2 / 2013	SEKSYEN	
MUKA SURAT	24	RUANGAN	Setempat

Kos tunai haji kekal

■ Pastikan semua jemaah dapat beribadat tanpa tanggung caj tambahan

Oleh **MOHD FAUZI ABDULLAH**
fauzie@mediaprima.com.my

kuantan

Tambang untuk menaikkan haji tahun ini kekal pada kadar RM9,980 seorang bagi jemaah kali pertama, kata Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom.

Beliau berkata, kerajaan dan Lembaga Tabung Haji bersetuju mengekalkan kadar tambang sedia sebagai satu keistimewaan kepada jemaah, sekalipun kos seperti penginapan dan pengangkutan meningkat berbanding tahun lalu.

Menurutnya, musim lalu TH membelanjakan RM150 juta untuk menampung subsidi kira-kira 28,000 jemaah.

"Jumlah itu dijangka meningkat musim ini berikutan kenaikan kos penginapan, makanan dan pengangkutan," katanya selepas merasmikan Muzakarah Haji

Peringkat Kebangsaan Kali ke-29 di sini, semalam.

Hadir sama, Pengerusi TH, Tan Sri Abi Musa Asa'ari Mohamed Nor dan Ketua Pegawai Eksekutif TH, Datuk Ismee Ismail.

Jamil Khir berkata, semua kenaikan itu tidak akan memberi kesan kepada jemaah haji yang terpilih pada musim ini kerana TH sedia menampung subsidi berkenaan.

"Jemaah haji negara ini hanya perlu membayar RM9,980 dan kos selebihnya akan ditanggung TH. Kos menunaikan ibadat haji dikenakan kepada jemaah Malaysia masih rendah dibanding negara lain," katanya.

Katanya, jika mengambil kira kos itu, jemaah Malaysia dikira paling bertuah kerana bukan saja membayar kos paling rendah, malah turut menikmati kemudahan lebih

baik berbanding jemaah negara lain.

"Jemaah haji Singapura contohnya perlu membayar SS13,000 (RM32,537), Brunei BS9,000 (RM22,526), Thailand 160,000 baht (RM16,699) dan Turki pula antara ASS5,000 hingga ASS10,000 (RM15,525 hingga RM31,050)," katanya.

Dalam perkembangan sama, Jamil Khir berkata negara Islam lain turut mengiktiraf sistem tadbir urus dijalankan TH dan ada antara mereka menyatakan hasrat belajar daripada Malaysia.

"Perbincangan mengenai perkara itu akan diputuskan dalam mesyuarat membabitkan menteri berkaitan urusan haji di Arab Saudi pada April ini," katanya.

Menurutnya, jenama TH sudah mendapat perhatian

banyak negara lain dan ia satu petanda positif.

"Perkara itu akan dibincangkan kemudian. Sehingga kini, TH sudah memiliki 8.9 juta penyimpan dengan dana RM35 bilion.

"Kita akan mengumumkan dividen kepada penyimpan dan pelabur pada Khamis ini, sudah pasti ia antara faedah atau dividen tertinggi pernah diberikan kepada penyimpan," katanya ketika ditemui.



JAMIL Khir (dua dari kanan) menunjukkan buku panduan ibadat haji, ziarah dan ziarah dalam versi bahasa peris kepada perwakilan asing.